

Titah Adendum

Najib kekal jalani baki hukuman di Penjara Kajang

Hakim putuskan tidak sah, perintah tahanan rumah tak boleh dilaksana

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali dan Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak semalam gagal dalam permohonan untuk menghabiskan baki hukuman penjaranya melalui tahanan rumah atau *house wrest*.

Ikut berikutan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi di sini, Alice Loke Yee Ching menolak permohonan semakan kehakiman difailkan bekas Perdana Menteri itu bagi memaksa kerajaan dan enam yang lain untuk melaksanakan Titah Adendum supaya beliau menjalani baki hukuman penjaranya di rumah.

Yee Ching memutuskan demikian selepas berpuas hati isu berkaitan tahanan rumah tidak pernah disebut, dibincang dan diputuskan dalam mesyuarat Lembaga Pengampunan yang bersidang pada 29 Januari tahun lalu.

Najib sedang menjalani hukuman penjara dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi selepas didapati bersalah atas kesalahan salah guna kuasa, pecah amanah jenayah dan pengubahan wang haram membabitkan RM42 juta dana SRC International Sdn Bhd (SRC), bekas anak syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Pada prosiding semalam, bekas

Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan bekas Presiden UMNO itu yang memakai kot kelabu duduk di sisi ahli keluarga, termasuk empat anak, Datuk Nazifuddin, Datuk Mohamad Nizar, Norashman dan Puteri Norlisa serta kelihatan tenang ketika keputusan dibacakan.

Najib yang duduk di barisan hadapan galeri awam dengan diapit isteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan adik lelaki, Tan Sri Nazir, sesekali menundukkan pandangan sambil mendengar penghakiman dibacakan Yee Ching yang mengambil masa sekitar satu jam.

Memperincikan penghakimannya, Yee Ching memutuskan bahawa Titah Adendum itu tidak sah dan tidak boleh dilaksanakan bagi maksud menjalani tahanan rumah di negara ini.

"Titah Adendum bukanlah satu perintah yang sah. Sehubungan itu perintah tahanan di rumah tidak boleh dilaksanakan," katanya.

Titah Adendum berkenaan dikatakan diperkenan Yang di-Pertuan Agong ke-16 yang membolehkan bekas Ahli Parlimen Pekan itu menjalani baki hukuman penjara di bawah tahanan rumah.

Dalam permohonan semakan kehakiman difailkannya, Najib memohon satu perintah mandamus supaya kerajaan melaksanakan titah itu dan dengan serta-merta memindahkannya dari Penjara Kajang ke rumah untuk meneruskan hukuman penjara di bawah tahanan rumah.

Selepas prosiding, Rosmah yang kelihatan sedih dengan keputusan berkenaan meminta peguam suaminya, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah menjelaskan keputusan mahkamah

dan langkah seterusnya yang akan diambil.

Najib turut diwakili peguam, Muhammad Farhan Muhammad Shafee dan Wan Muhammad Arfan Wan Othman, manakala responden diwakili Peguam Kanan Persekutuan, Shamsul Bolhasan, Ahmad Hanir Hambaly serta Nur Hafizah Azizan.

Pada 6 Januari lalu, Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan Najib untuk memulakan prosiding semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah memaksa kerajaan atau enam pihak lain menjawab serta mengesahkan kewujudan Titah Adendum bertarikh Januari tahun lalu.

Najib menamakan Menteri Dalam Negeri, Komisioner Jeneral Penjara, Peguam Negara, Lembaga Pengampunan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, selain Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang di JPM serta Kerajaan Malaysia sebagai responden.

Antara relif yang dimohon dalam semakan kehakiman itu ialah supaya semua atau seorang daripada responden memberikan salinan titah utama oleh Yang di-Pertuan Agong ke-16 berhubung pengurangan hukuman penjara dan denda terhadapnya.

Permohonan Najib untuk tahanan rumah bermula 2024, susulan permohonan semakan kehakiman difailkannya selepas Lembaga Pengampunan mengumumkan pengurangan hukuman penjara 12 tahun kepada enam tahun serta pengurangan denda daripada RM210 juta kepada RM50 juta.

Dalam permohonannya, bekas



Najib di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

Perdana Menteri itu mendakwa wujud satu titah tambahan yang membenarkannya menjalani baki hukuman di bawah tahanan rumah, selain titah diraja utama yang mengurangkan hukumannya.

Habiskan peringkat rayuan

Dalam kes berprofil tinggi itu, bekas Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan bekas Presiden UMNO itu telah menghabiskan semua peringkat rayuannya selepas gagal membatalkan sabitan dan hukuman berkenaan.

Pada 2 Februari tahun lalu, Lembaga Pengampunan mengumumkan dalam satu kenyataan bahawa hukuman penjara asal Najib selama 12 tahun dan denda RM210 juta telah dikurangkan kepada enam tahun penjara serta denda RM50 juta.

Menurut kenyataan itu, Najib dijadual dibebaskan pada 23 Ogos 2028, namun sekiranya denda tidak dibayar, tempoh penjara akan ditambah satu tahun dan tarikh pembebasan akan menjadi 23 Ogos 2029.

Dua bulan kemudian, pada 1 April 2024, Najib memfailkan permohonan kebenaran semakan kehakiman dengan mendakwa wujud satu perintah tambahan diraja yang membolehkannya menjalani hukuman penjara di bawah tahanan rumah.

Dalam notis permohonannya, bekas Ahli Parlimen Pekan itu memohon perintah mandamus supaya semua atau mana-mana

responden mengesahkan dan memperakui kewujudan perintah tambahan bertarikh 29 Januari 2024 itu.

Beliau juga memohon perintah mandamus supaya, sekiranya perintah tambahan itu wujud, semua atau mana-mana responden melaksanakan perintah diraja berkenaan dan memindahkannya dengan segera dari Penjara Kajang ke kediaman di Kuala Lumpur untuk menjalani baki hukuman di bawah tahanan rumah.

Pada 4 Julai 2024, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak permohonan kebenaran semakan kehakiman Najib dengan alasan affidavit sokongan mengandungi keterangan dengar cakap.

Keputusan itu mendorong Najib merayu ke Mahkamah Rayuan, di mana beliau memenangi rayuan terbabit melalui keputusan majoriti 2-1, dengan perintah supaya perkara itu dirujuk semula ke Mahkamah Tinggi untuk pendengaran penuh.

Pejabat Peguam Negara (AGC) kemudian memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan itu di Mahkamah Persekutuan.

Pada 13 Ogos, panel tiga hakim Mahkamah Persekutuan yang dipengerusikan Ketua Hakim Malaya ketika itu, Tan Sri Hasnah Mohammed Hashim menolak rayuan AGC dan mengarahkan semakan kehakiman Najib dirujuk semula ke Mahkamah Tinggi untuk pendengaran penuh berdasarkan merit kes.